



KORBAN DAN AKIKAH

HARI : _____
TARIKH: _____

Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Pilih jawapan yang tepat bagi tiap-tiap soalan.

1. Berikut ialah sunat-sunat korban **kecuali**
 - A. memilih binatang yang gemuk
 - B. menyembelih sendiri bagi lelaki
 - C. menghadapkan binatang ke arah kiblat
 - D. memasak masakan manis dan dibuat jamuan
2. Hukum melakukan korban bagi orang yang bernazar adalah
 - A. wajib
 - B. harus
 - C. sunat
 - D. sunat muakkad
3. Antara syarat sah korban ialah
 - A. memilih binatang yang gemuk
 - B. menyembelih sendiri bagi lelaki
 - C. melakukan sembelihan pada waktunya
 - D. membaca basmalah ketika menyembelih
4. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai korban.
 - A. Menyembelih binatang ternakan tertentu
 - B. Satu pertiga daripada daging dibuat jamuan
 - C. Dagingnya sunat dimasak manis sebelum dibahagikan
 - D. Satu pertiga daripada daging diagihkan kepada orang bukan Islam
5. Berikut ialah hikmah disyariatkan korban **kecuali**
 - A. mengagungkan syiar Islam
 - B. menghayati semangat pengorbanan Nabi Ibrahim
 - C. menyuburkan sifat pemurah dan menjauhi sifat bakhil
 - D. tanda bersyukur kepada Allah SWT atas segalan nikmat
6. Waktu afdhal melakukan korban adalah pada Hari Raya Aidiladha _____ gelincir matahari.
 - A. selepas
 - B. sebelum
 - C. setelah
 - D. sekian
7. Bilakah ibadah korban disyariatkan dalam Islam?
 - A. Tahun kedua hijrah
 - B. Tahun ketiga hijrah
 - C. Tahun kedua belas hijrah
 - D. Tahun ketiga belas hijrah
8. Berikut merupakan binatang al-an'am yang disyariatkan korban.
 - I. Ayam
 - II. Kancil
 - III. Unta
 - IV. Kerbau
 - A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV
9. Berikut merupakan jenis binatang cacat yang tidak boleh dijadikan korban **kecuali**
 - A. binatang yang buta sebelah
 - B. binatang yang berpenyakit teruk
 - C. binatang yang tempang
 - D. binatang yang gemuk
10. Bilakah orang yang berkorban disunatkan tidak bercukur dan memotong kukunya?
 - A. Bermula 1 Zulhijjah hingga 13 Zulhijjah
 - B. Bermula 1 Zulhijjah sehingga selesai berkorban
 - C. Bermula 10 Zulhijjah sehingga selesai berkorban
 - D. Bermula 10 Zulhijjah sehingga 13 Zulhijjah

MODUL PENDIDIKAN ISLAM

11. Berikut ialah pernyataan yang benar mengenai akikah **kecuali**
- A. afdhal dilakukan pada hari ketujuh kelahiran bayi
 - B. bertujuan untuk melahirkan kesyukuran kepada Allah SWT
 - C. bagi setiap anak lelaki sebaik-baiknya disembelih dua ekor kambing
 - D. sebahagian daripada dagingnya wajib diberikan kepada fakir miskin
12. Hukum melakukan akikah adalah
- A. wajib
 - B. harus
 - C. sunat
 - D. sunat muakkad
13. Hukum melakukan akikah bagi orang yang bernazar adalah
- A. wajib
 - B. harus
 - C. sunat
 - D. sunat muakkad
14. Pilih hikmah pensyariatan akikah.
- A. Melahirkan sifat ikhlas dalam diri
 - B. Menghayati semangat pengorbanan
 - C. Tanda bersyukur kepada Allah SWT atas rezeki
 - D. Menyuburkan sifat pemurah dan menjauhi sifat bakhil
15. Daging akikah disunatkan untuk
- A. disedekahkan kepada orang bukan Islam
 - B. dimasak dengan masakan lemak dan disedekahkan
 - C. dimasak dengan masakan manis dan dibuat jamuan
 - D. dimakan oleh keluarga yang melakukan akikah sahaja
- Dua tahun dan ke atas
16. Pernyataan di atas merujuk kepada syarat sah cukup umur binatang al-an'am berikut **kecuali**
- A. lembu
 - B. biri-biri
 - C. kambing
 - D. kerbau
17. Berapakah kadar binatang akikah bagi anak perempuan dan anak lelaki?
- A. Dua ekor kambing bagi anak perempuan dan seekor kambing bagi anak lelaki
 - B. Dua ekor kambing bagi anak lelaki dan seekor kerbau bagi anak perempuan
 - C. Dua ekor kerbau bagi anak lelaki dan seekor kambing bagi anak perempuan
 - D. Dua ekor kambing bagi anak lelaki dan seekor kambing bagi anak perempuan
18. Berikut merupakan cara pembahagian daging akikah yang betul.
- I. Sunat dimasak dengan masakan yang manis
 - II. Disedekah kepada ahli keluarga
 - III. Tidak boleh dimakan oleh orang yang berakikah
 - IV. Disedekah kepada orang miskin
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV
19. Bilakah tempoh pelaksanaan akikah yang paling afdhal?
- A. Tujuh hari selepas kelahiran
 - B. Sehingga mencapai akil baligh
 - C. Hari ketujuh selepas kelahiran
 - D. Hari pertama hingga hari ketujuh kelahiran
20. Ibu bapa disunatkan memberi nama yang baik kepada anak yang baru lahir. Dua nama yang paling dicintai disisi Allah SWT ialah
- I. Abdul Rahim
 - II. Abdul Rahman
 - III. Abdullah
 - IV. Abdul Razak
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV